❤PENANG

1 - 15 JANUARI, 2023

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# Pencapaian SUKMA SYABAS!

SUKMA 2022


Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**


**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri menyumbangkan keseluruhan RM325,100 kepada kontinjen Pulau Pinang atas kejayaan dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-20 yang berlangsung pada September lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa skim insentif tersebut diberikan kepada pemenang pingat, jurulatih dan persatuan sukan yang meraih kejayaan.

"Sumbangan ini adalah selari dengan kadar yang ditetapkan melalui Skim Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS).

"Syabas dan tahniah kepada kontinjen Pulau Pinang yang menduduki tempat ketujuh secara keseluruhan dan berjaya membawa pulang 30 pingat emas berbanding sasaran ditetapkan iaitu 26 pingat emas.

"Selain melepasi sasaran pingat emas, 28 pingat perak dan 42 pingat gangsa juga berjaya diterjemahkan oleh atlet-atlet kita setelah bertungkus-lumus berlatih.

"Tambahan pula, cabaran ketika berdepan pandemik COVID-19 selama dua tahun sudah pastinya memberikan kesan kepada kontinjen kita," ujarnya pada Majlis Penyampaian SKIMAS di sini 28 November lalu.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua dan penampilan istimewa jaguh snuker negara yang berasal dari Pulau Pinang, Moh Keen Hoo dan Lim Kok Leong.




KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama para kepimpinan Kerajaan Negeri dan barisan atlet sambil menunjukkan isyarat bagus seusai Majlis Penyampaian SKIMAS di sini baru-baru ini.

Keen Hoo dan Kok Leong merupakan juara bagi *World Amateur Team Snooker Championship 2022* di Antalya, Turki pada Oktober lalu.

Atas kejayaan tersebut, Kerajaan Negeri turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM12,000 kepada kedua-dua atlet berkenaan.

Dalam pada itu, Lip Chee merakamkan ucapan tahniah kepada para atlet berkenaan atas kejayaan dan semangat juang yang ditunjukkan pada temasya SUKMA.

"Saya sendiri menjadi saksi kepada semangat kesukanan, saingan, dedikasi dan komitmen demi membanggakan Pulau Pinang.

"Beberapa acara sukan turut menampilkan kejutan yang mana sudah lama tidak memenangi pingat namun tahun ini berjaya membawa pulang pingat.

"Antaranya adalah bola tampar pantai, bola sepak, gimrama, menembak dan berbasikal," ujarnya.

Lip Chee berkata, *Penang Athletes Career and Education* (PACE) turut membuahkan hasil apabila 26 pemenang pingat adalah di bawah seliaan program tersebut manakala enam lagi adalah melalui program jurulatih muda.

"(Dan) ini menunjukkan skim-skim dan program yang dirangka oleh Kerajaan Negeri melalui MSNPP mula membuahkan hasil," maklum Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal itu.

*(Wawancara khas di muka 8 dan 14).*

# Galeri Sukan Negeri penghargaan kepada atlet



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri meneliti beberapa piala kemenangan dan jersi peribadi Lee Chong Wei pada Majlis Perasmian Galeri Sukan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**SEBERANG JAYA -** Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) menubuhkan Galeri Sukan Negeri sebagai tanda penghargaan terhadap pencapaian para atlet yang telah mengharumkan nama negeri dan negara di pentas antarabangsa.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa galeri yang pertama seumpamanya dibangunkan di negeri ini bakal mempamerkan peralatan sukan, piala-piala serta pingat kemenangan dan pelbagai maklumat berkaitan pencapaian para atlet negeri ini.

"Sebagai sebuah negeri '*powerhouse*' dalam arena sukan, sudah tentunya Pulau Pinang mempunyai warisan dan sejarah sukan yang cukup dinamik serta menarik untuk dikenang.

"Kelahiran atlet-atlet negeri bertaraf antarabangsa seperti Datuk Wira Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David, Datuk Zaiton Othman serta ramai lagi tokoh sukan lain adalah sesuatu yang sangat membanggakan dan seharusnya menjadi pencetus inspirasi terutamanya kepada pelapis baharu dalam meraih kejayaan.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan Exco Belia dan Sukan, YB Soon Lip Chee yang mencadangkan penubuhan sebuah galeri sukan negeri sebelum ini," katanya pada majlis perasmian Galeri Sukan Negeri Pulau Pinang dekat Kompleks Sukan & Rekreasi Sony di sini 26 November lalu.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Pengarah MSNPP, Harry Chai Heng Hua; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Negeri Pulau Pinang, Zul Kahar Khamis dan Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ir. Baderul Amin Abdul Hamid.


**SEBAHAGIAN piala kemenangan yang dipamerkan.**

Kon Yeow berkata, kos bagi pengubahsuaian serta penaiktarafan galeri sukan berkenaan adalah berjumlah RM200,000 dan dibangunkan dengan konsep mesra keluarga yang mana turut merangkumi ruang untuk kanak-kanak.

"Antara keistimewaan galeri ini adalah segmen pameran peralatan sukan, piala-piala serta pingat kemenangan disumbangkan oleh para atlet seperti Lee Chong Wei, Nicol Ann David dan lain-lain.

"Justeru, Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan penyertaan daripada semua khususnya pelajar sekolah rendah dan menengah dengan harapan ia dapat memberikan inspirasi kepada anak-anak muda.

"Saya juga berharap agar galeri sukan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua, sekali gus menjadi pemangkin kepada lebih banyak kejayaan para atlet negeri ini," katanya.

Difahamkan, Galeri Sukan Negeri Pulau Pinang dibuka kepada pengunjung dan orang ramai pada hari Sabtu dan Ahad bermula dari jam 8 pagi sehingga 6 petang secara percuma.

Manakala untuk kemasukan pada hari Isnin hingga Jumaat, ia adalah tertakluk kepada tempahan awal yang boleh dibuat melalui MSNPP.

Sebarang pertanyaan boleh e-melkan ke *msnpp@penang.gov.my* atau hubungi 04-659 3713/659 3714/659 3715.

# Komited selesai masalah penduduk Taman Dedaun

**BUKIT TAMBUN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk menyelesaikan masalah yang membelenggu penduduk di Taman Dedaun, Bandar Cassia dekat Batu Kawan sejak sekian lama.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata antara isu-isu yang dibangkitkan oleh persatuan penduduk taman berkenaan adalah melibatkan masalah infrastruktur seperti kerosakan jalan, penyelenggaraan dan lampu jalan.

"Selain itu, projek ini juga menghadapi masalah rumah tidak terjual dan ada juga rumah yang sudah ada pembeli tetapi masih belum dibina selain terdapat rumah yang dibina tetapi tidak mematuhi syarat ditetapkan.

"Dalam kes seperti ini, pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan membeli semula plot-plot berkaitan sekiranya mereka tidak dapat membina rumah dalam tempoh ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam perundangan," katanya semasa majlis perjumpaan dengan persatuan penduduk Taman Dedaun di sini 26 November lalu.

Tambah Kon Yeow, perumahan Taman Dedaun merupakan skim perumahan biasa yang mana semua kemudahan awam sepatutnya diserahkan kepada agensi-agensi bertanggungjawab untuk tujuan penyelenggaraan.

"Memandangkan perumahan ini merupakan skim perumahan yang lazim, maka kemudahan-kemudahan di sini perlu diserahkan kepada agensi-agensi bertanggungjawab… hanya isu keselamatan dan yang berkaitan sahaja patut dipertanggungjawabkan kepada persatuan penduduk.

"Bagi menyelesaikan masalah yang dibangkitkan, baru-baru ini PDC telah meluluskan peruntukan berjumlah RM2 juta untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan di Taman Dedaun sehingga memenuhi syarat ditetapkan sebelum diserahkan kepada agensi berkaitan," katanya yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ir. Baderul Amin Abdul Hamid; Ahli Majlis bagi MBSP, P. David Marshel, ahli jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta wakil-wakil persatuan penduduk Taman Dedaun.

Dalam pada itu, Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri juga telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM40,000 untuk tujuan menyelenggara Dewan Orang Ramai Bandar Cassia demi keselesaan penduduk setempat.

"MBSP telah menyerahkan dewan ini kepada MPKK, dan kita berharap dewan ini dijaga dan diselenggara dengan baik demi manfaat penduduk di sini," katanya.



Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Pelajar cemerlang SPM, STPM terima insentif khas

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** - Seramai 313 pelajar cemerlang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menerima insentif tunai, sijil penghargaan dan pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Insentif tersebut disampaikan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sempena Majlis Anugerah Cemerlang STPM dan SPM Tahun 2021 Peringkat Negeri Pulau Pinang yang diadakan di sini 6 Disember lalu.

Semasa berucap, Kon Yeow berkata bahawa pemberian insentif tersebut adalah membabitkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM232,000 yang akan dibayar melalui kaedah *Electronic Fund Transfer* (EFT).

"Inisiatif ini merupakan pengiktirafan kecil Kerajaan Negeri atas pencapaian cemerlang para pelajar negeri ini yang telah berusaha dengan gigih dan tekun dalam mengecapi kejayaan khususnya dalam suasana pembelajaran penuh cabaran akibat pandemik COVID-19.

"Namun di sebalik kesukaran yang dihadapi oleh para pelajar, guru dan ibu bapa dalam menempuhi waktu-waktu sukar tersebut, Kerajaan Negeri amat bangga apabila saban tahun kita dapat menyaksikan peningkatan positif dalam peperiksaan utama ini," katanya.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng; Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Dato' Ahmad Rizal Mohd. Hanapiah dan Timbalan Pengarah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Timur Laut, Sunny Seowfuddin Abdullah.



KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama beberapa penerima seusai Majlis Anugerah Cemerlang STPM dan SPM Tahun 2021 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Kon Yeow berkata, bagi tahun 2021, Pulau Pinang telah merekodkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) membanggakan iaitu 2.85 mengatasi peringkat nasional (2.79) dan lebih tinggi berbanding tahun 2020 (2.83).

"Bagi pencapaian SPM pula, saya dimaklumkan bahawa sebanyak 86.03 peratus atau 15,520 daripada 20,048 calon yang menduduki peperiksaan SPM di negeri ini layak mendapat sijil.

"Daripada keseluruhan calon tersebut pula, seramai 231 pelajar berjaya mendapat pencapaian 7A+ dan ke atas," jelasnya lanjut.

Sementara itu, Ramasamy memberitahu bahawa seramai 17 calon SPM tahun 2021 di negeri ini memperoleh keputusan A+ dalam semua mata pelajaran dan sebanyak 22 sekolah mencapai 100 peratus pelajar yang lulus serta layak mendapat sijil SPM.

Menurut beliau, seramai 2,048 daripada 2,049 pelajar yang menduduki peperiksaan STPM telah lulus dan layak menerima sijil... lebih membanggakan sebanyak 11 sekolah di negeri ini mencapai kejayaan 100 peratus pelajar lulus serta layak mendapat sijil STPM," ulasnya.

"Pada majlis ini, seramai 231 pelajar menerima sijil penghargaan dan sagu hati sebanyak RM500 manakala seramai 82 pelajar STPM berjaya memperoleh keputusan penuh PNGK 4.0 dan menerima sijil penghargaan serta wang sagu hati RM1,000.

"Di samping itu, lima pelajar menerima Sijil Penghargaan dan Anugerah Pelajar Terbaik Pelajar Istimewa (Khas) serta wang sagu hati sebanyak RM500," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi.

Difahamkan, pemberian insentif kecemerlangan pada kali ini turut dipanjangkan kepada beberapa lagi kategori iaitu pelajar terbaik (termasuk kategori pelajar istimewa) dan juga Anugerah Sekolah Terbaik.

Bagi tahun 2021, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (P) Al-Mashoor dianugerahkan sebagai sekolah terbaik bagi STPM manakala Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jambul pula dinobatkan sebagai sekolah terbaik bagi SPM yang mana masing-masing membawa pulang trofi dan wang tunai bernilai RM3,000.

## Hilang deria penglihatan tidak halang kejayaan Wan Fatin Ilyana

**HILANG** deria penglihatan pada usia 16 tahun ternyata tidak menjadi halangan buat **WAN FATIN ILYANA SHAIK AHMAD NAZRI** memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Dilahirkan sebagai insan normal pada mulanya, Wan Fatin Ilyana, 20, memberitahu bahawa beliau mula berdepan masalah penglihatan akibat mengalami kerosakan pada saraf mata selepas selesai menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).



WAN Fatin Ilyana meneliti sijil penghargaan yang diterima sambil ditemani bapanya.

Walaupun berdepan kesukaran, namun Wan Fatin Ilyana masih mampu bangkit dan tampil cemerlang dalam pelajaran sehingga berjaya memperoleh Anugerah Pelajar Terbaik Pelajar Istimewa (Khas) STPM daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Anugerah tersebut disampaikan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam majlis yang diadakan dekat sini baru-baru ini.

Ditemui Buletin Mutiara selepas itu, Wan Fatin Ilyana yang kini berusia 21 tahun memberitahu bahawa beliau sedang mengikuti kursus sarjana muda dalam bidang Sains Maklumat (Pengurusan Rekod) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Perdana, Selangor.

"Saya bersyukur kepada Allah kerana berjaya mendapat anugerah khas ini kerana saya sememangnya tidak menyangka akan mendapat keputusan yang cemerlang dalam STPM.

"Masalah penglihatan yang saya hadapi sangat misteri kerana berlaku secara tiba-tiba tetapi doktor memaklumkan bahawa keadaan ini mungkin berpunca daripada gangguan saraf optik atau glaukoma.

"Dilahirkan dengan penglihatan yang normal dan kemudian menjadi buta sepenuhnya sudah tentu membuatkan saya berasa sangat tertekan pada mulanya sehingga saya berdepan masalah kemurungan.

"Namun begitu, saya sangat berterima kasih kepada keluarga yang banyak memberikan sokongan sehingga saya berjaya mengatasi keadaan ini dan boleh membiasakan diri dengan agak cepat.

"Malah, ayah saya sanggup mengambil keputusan berhenti kerja untuk menjaga saya," kata anak bongsu daripada tiga beradik itu yang hadir ditemani ayahnya.

*(Sambungan di muka 15).*

# Masjid Papan ‘baharu’ jangka siap 2024

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA -** Projek pembinaan masjid baharu di atas tapak lama Masjid Papan Kampung Pertama yang menelan belanja kira-kira RM5.5 juta dijangka siap pada Julai 2024.

Selama tempoh pemajuan projek itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa pihaknya berharap sekalian anak kariah setempat boleh menyertai solat Jumaat dan solat fardu secara berjemaah di Masjid Batu Kampung Pertama atau lain-lain lokasi yang dibenarkan mengadakan ibadah itu.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti berkata demikian semasa menyempurnakan Majlis Pengisytiharan Solat Jumaat Terakhir dan Penutupan Sementara Majlis Papan Kampung Pertama di sini pada 14 Oktober 2022.

“Majlis ini adalah bertujuan memberi laluan kepada projek merobohkan dan membina baharu masjid tersebut.

“Semoga dengan kemajuan berkaitan (iaitu masjid baharu), ia dapat meningkatkan kapasiti masjid ini dan lebih ramai anak kariah dapat hadir bagi tujuan pengimarahan masjid ini kelak,” jelasnya yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam majlis berkenaan sebelum berlangsungnya ibadat solat Jumaat terakhir di sini.

Buletin Mutiara difahamkan bahawa RM5.5 juta anggaran kos pembinaan masjid baharu itu dibiayai oleh tiga pihak iaitu Kerajaan Negeri sebanyak RM2.5 juta, Kerajaan Pusat (RM2 juta) dan sumbangan anak-anak kariah tempatan (RM1 juta).



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kanan) bersalaman dengan sebahagian jemaah yang hadir pada Majlis Pengisytiharan Solat Jumaat Terakhir dan Penutupan Sementara Majlis Papan Kampung Pertama di sini baru-baru ini.**

# Usaha dokumentasikan Festival Boria bawah UNESCO

**TELUK AIR TAWAR -** Kerajaan Negeri melalui Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang sedang berusaha mendokumentasikan Festival Boria Pulau Pinang untuk tujuan pencalonan kategori warisan kebudayaan ‘tidak ketara’ dunia di bawah Pertubuhan Saintifik, Pendidikan dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata demikian semasa merasmikan Malam Gala Festival Boria Tahun 2022 yang dilangsungkan dekat *Robina Eco Park* di sini pada 29 Oktober 2022.

“Boria adalah satu seni budaya yang unik dan telah diangkat sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2009 di dalam kategori Objek Warisan Tidak Ketara: Kesenian dan Kebudayaan,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong dalam majlis berkenaan.

Di samping itu, Soon Hin turut merakamkan penghargaan kepada Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta beberapa kelompok penggiat seni budaya negeri ini kerana berjaya ‘membawa temasya’ itu dari bahagian pulau ke bahagian Seberang Perai.

“Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak penganjur Festival Boria 2022 iaitu Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama MBSP, Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Jabatan Warisan Negara, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Cawangan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Pulau Pinang, *Penang Global Tourism*, Boria Omara serta badan kerajaan dan bukan kerajaan kerana telah bertungkus lumus dan berjaya menganjurkan program istimewa pada hari ini,’’ ulasnya lanjut.

Turut berucap, Pengarah Jabatan Pelancongan, Seni dan Warisan MBSP, Tpr. Mohd. Ridzal Abdul bagi pihak Datuk Bandar MBSP, Datuk Azhar Arshad.

“Saya juga begitu gembira kerana Festival Boria Pulau Pinang 2022 berjaya menyajikan wajah asli persembahan kebudayaan tersebut sejak era 1960-an hingga kini.

“Festival ini menghimpunkan boria generasi lama dan generasi sekarang untuk dipersembahkan kepada rakyat Pulau Pinang terutama penduduk Seberang Perai dan khususnya utara Semenanjung Malaysia yang merangkumi negeri Kedah, Perlis dan Perak untuk datang ke festival boria ini,” ujarnya.

ADUN Teluk Air Tawar, Dato' Mustafa Kamal Ahmad turut serta dalam majlis keraian tersebut.

Bengkel dan galeri boria, perkhidmatan kendera saji, pertandingan mewarna kategori kanak-kanak, pertandingan menghias payung, tongkat boria serta memakai kostum boria dan pertandingan karaoke merupakan antara acara menarik yang dilangsungkan secara serentak selama dua hari dalam festival tersebut.



**SALAH satu persembahan yang dipersembahkan.**




**YEOH Soon Hin (barisan depan, dua dari kiri) mengamati bahan-bahan pameran yang dipamerkan bersempena penganjuran Festival Boria Pulau Pinang 2022 di sini baru-baru ini.**

# Malaysia Techlympic 2022, Pulau Pinang bolot 16 pingat

Gambar : **IHSAN *TECH DOME PENANG***

**GEORGE TOWN** - *Malaysia Techlympic 2022* yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan tema Kecerdasan Buatan dan Sains Data, Eksplorasi Angkasa, Dron dan Aplikasinya, Teknologi Sohor serta Inovasi Untuk Kesejahteraan Rakyat dan Kelestarian Alam telah berjaya menerima penyertaan seramai 1.03 juta orang dalam kelompok umur tujuh hingga 30 tahun.

Daripada jumlah itu, seramai 4,320 pelajar atau 927 pasukan dari 285 sekolah seluruh negara berjaya memasuki pertandingan akhir di Arena Axiata, Majlis Sukan Negeri (MSN) Bukit Jalil pada 26 dan 27 November lepas.

Mereka, termasuk 400 pelajar dari 20 sekolah sekitar negeri Pulau Pinang.

Dalam suatu kenyataan yang dikongsi *Tech Dome Penang* menerusi e-mel bertarikh 28 November baru-baru ini, Kerajaan Negeri sejak beberapa tahun lepas telahpun mewujudkan pelbagai inisiatif STEM atau Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik dengan tujuan untuk memupuk minat dalam semua lapisan masyarakat terutama kelompok pelajar.

Sehubungan itu, adalah diharapkan para peserta dapat menjadikan pentas pertandingan *Malaysia Techlympic 2022* sebagai platform untuk membina keyakinan dalam diri masing-masing.

Dalam cabaran peringkat saingan akhir *Malaysia Techlympic 2022*, ia menyaksikan kontinjen Negeri Pulau Pinang berjaya membolot tujuh pingat emas, perak (7) dan gangsa (2) dalam saingan akhir tersebut.

Berikut adalah pemenang pingat emas:

* Muhamad Ammar Danial Nor Azli
* Low Chen Yin, Low Qiao Jing, Then Cherng Xiang dan Yeoh Yuan Xin
* Chan Yu Heng, Kok Qi Sheng, Tomaz Fu Shao Yang dan Chee Kah Kin
* Darshan Nandakumar
* Tan Le Yu
* Maryam Bazihah Nazril, Muhammad Afiq Hassin, Noor Iffah Musfirah Mohd. Azmi dan Nur Liyana Wafa Azli
* Chuah Wen Xi, Kong Jing Han, Lee Shi Yi dan Lim Zhi Xian

Tahniah kepada semua peserta!

*(Wawancara lanjut di muka 6 dan 7).*




RAKAMAN gambar kenangan kontinjen Pulau Pinang pada kejohanan *Malaysia Techlympic 2022* yang berlangsung dekat ibu negara baru-baru ini.

## Pengakap Pulau Pinang pelopori STEM, pupuk minat ahli

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**DALAM** mempelopori era pendigitalan, Persatuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang (PPMNPP) turut memainkan peranan penting dalam membentuk individu dengan ciri-ciri kepimpinan yang baik.

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pulau Pinang, **DATUK ZULKAFLI KAMARUDDIN** berkata bahawa kini PPMNPP ingin menekankan kepentingan program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

"Dahulu, Pengakap hanya mengadakan sesi perkhemahan dan aktiviti luar termasuk mendaki, memburu, berperahu dan mengembara *(backpacking)*.

"Dalam soal ini, Pengakap tidak boleh ketinggalan dan pihak kami perlu menggalakkan mereka memupuk minat dalam menguasai STEM," katanya semasa sesi wawancara khas dekat Wisma Pengakap Jalan Scotland di sini 19 Oktober lalu.

Menariknya, antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh PPMNPP adalah dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama-sama The TOP Komtar serta *Tech Dome Penang*.

"Kerjasama tersebut sudah tentu bagi menjamin masa depan PPMNPP dalam melahirkan ahli Pengakap berjaya dari segi intelektual di Pusat Latihan Kemahiran STEM Pengakap Malaysia.

"Bagi yang telah menamatkan proses pembelajaran STEM bakal memperoleh lencana khas, dan secara tidak langsung dapat merangsang sektor pelancongan negeri terutama bagi menarik minat Pengakap dari negeri lain untuk turut berkunjung ke sini," tambahnya.

Dalam pada itu, Zulkafli menyatakan bahawa bagi tujuan tersebut, sebuah galeri seni dekat Wisma Pengakap bakal disiapkan pada tahun hadapan.

"Diharapkan galeri ini akan menjadi salah satu hab untuk orang ramai memahami sejarah penubuhan Pengakap.

"PPMNPP diasaskan pada tahun 1908, kini kira-kira seramai 15,000 ahli aktif dan jika tiada halangan, angka tersebut bakal bertambah apabila keahlian turut akan terbuka kepada individu berumur 18 tahun ke atas," ujarnya sambil memaklumkan bahawa pihaknya bakal mewujudkan kerjasama dengan penglibatan politeknik serta universiti awam dan swasta.

Berkongsi mengenai pencapaian selama 15 tahun mengambil alih PPMNPP, Zulkafli menyatakan bahawa Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang mengiktiraf Anugerah Baden-Powel (B-P Award) terhadap ahli Pengakap.

"Seramai enam ahli Pengakap bagi kumpulan pertama telah diiktiraf dengan Anugerah B-P, manakala seorang pelajar dari Bukit Mertajam turut diiktiraf sebagai Pengakap Raja Udara yang pertama di Malaysia.

"Di samping itu, pihak kami juga bakal melancarkan sebuah buku (kini dalam proses cetakan) hasil titik peluh 52 ahli PPMNPP yang menulis dengan berkongsi pengalaman masing-masing.

"Bukan hanya dalam negara, malah PPMNPP turut menghantar seorang ahli mewakili Asia Pasifik untuk menjalankan kerja sukarela di Amerika Syarikat selama tiga (3) bulan dan juga 100 ahli bagi menghadiri *World Scout Jamboree* di Amerika Syarikat baru-baru ini.



ZULKAFLI Kamaruddin menunjukkan koleksi anugerah yang diterima PPMNPP.




MENGENAKAN pakaian seragam lengkap.

# Rekaan ‘Rumah Masa Depan’ buahkan hasil, rancakkan STEM

**PADA** 26 dan 27 November lalu, pasukan Sekolah Kebangsaan Sungai Nibong (SKSN) yang dibimbing oleh **CIKGU ZUYANTI ZOLKIFLI** dan **CIKGU NOOR HAYATI ISMAIL** berjaya merangkul pingat perak pada kejohanan akhir *Malaysia Techlympic 2022* Peringkat Kebangsaan dekat Axiata Arena Bukit Jalil, Kuala Lumpur.



**MALAYSIA TECHLYMPICS 2022**
**Wawancara Khas**


NOOR Hayati Ismail.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** telah mengatur sesi temu ramah khas dengan kedua-dua guru berkenaan di atas kejayaan yang dilakar menerusi projek ‘Rumah Masa Depan’.

Bertitik tolak daripada penyertaan pertandingan peringkat zon, SKSN menampilkan pasukan meliputi reka bentuk rumah masa depan, *fast coding*, misi penerbangan dron dan kenderaan masa depan.

“Selepas berjaya di peringkat zon, kami layak memasuki peringkat seterusnya di Pusat Sains Negara, Alor Setar (Kedah) dan terus layak ke peringkat kebangsaan dekat Axiata Arena Bukit Jalil.

“Di situ, sebanyak 57 penyertaan dari seluruh negara dan seperti dijangka, saingan memang hebat yang mana saya sendiri tidak menyangka pasukan kami berjaya membawa pulang pingat perak bagi Kategori Rumah Masa Depan.

“Atas kemenangan tersebut juga, pasukan SKSN turut membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,000,” ujar Zuyanti berkongsi pengalamannya.

Mengulas lanjut, Zuyanti menyatakan bahawa antara resipi kejayaan pasukan SKSN adalah dengan memupuk minat para pelajar terhadap mata pelajaran sains sebelum melibatkan diri dalam projek-projek berkaitan.

“Seperti mana kita tahu, kos untuk kelas melibatkan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) ini memang agak mahal.

“Jadi saya dapatkan bantuan daripada *Penang Science Cluster* (PSC) untuk meminjam barang-barang seperti robot, jadi para pelajar dapat belajar *coding* dan kelas-kelas dalam talian.

“Kalau ada kelas-kelas percuma dalam talian memang saya akan galakkan murid-murid saya untuk sertai, tambahan pula masa PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) banyak kelas percuma dianjurkan, jadi memang saya suruh masuk untuk belajar perkara seperti *coding.*



MODEL projek ‘Rumah Masa Depan’ pasukan SKSN.


ZUYANTI Zolkifli.

Ditanya mengenai kekuatan pasukan SKSN, Noor Hayati menjelaskan bahawa anak muridnya itu dapat menguasai sesi soal jawab dengan baik.

“Selepas pembentangan kepada barisan juri, setiap pasukan perlu berdepan dengan sesi soal jawab kira-kira tiga minit bersama-sama para juri.

“Alhamdulillah… anak-anak murid berjaya menjawab dengan baik kerana projek ini memang mereka yang siapkan sendiri.

“(Dan) sesi inilah juri mampu menilai sama ada projek tersebut adalah asli dan ciptaan murid atau cikgu yang tolong buatkan,” jelasnya.

Setiap kejayaan pastinya hadir dengan cabaran tersendiri terutamanya dalam menyiapkan projek termasuk proses membawa murid-murid ke lokasi pertandingan.

“Saya bersyukur kerana murid-murid turut berkorban masa, adakalanya kami semua pulang sampai lewat malam kerana waktu persiapan adalah agak singkat.

“Walau bagaimanapun, saya bersyukur kerana berkat kesungguhan yang ditunjukkan dan ditambah dengan keinginan mereka untuk belajar sesuatu baharu akhirnya membuahkan hasil.

“Tambahan pula, sekarang tiada peperiksaan jadi di sinilah peluang mereka mengaplikasikan apa yang mereka belajar.

“Apabila kita bawa kanak-kanak keluar dari sekolah, kita (guru) yang perlu ambil tanggungjawab sebagai ibu bapa kepada mereka di sana,” ulasnya yang turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas tajaan pengangkutan.

Bercakap mengenai harapan, Zuyanti berharap penampilan mereka pada tahun hadapan akan lebih cemerlang.

“Kalau boleh kita mahu sekurang-kurangnya dapat mengekalkan kejuaraan atau lebih baik lagi kita menang lebih banyak kategori seterusnya mendapat pingat emas pula.

“Satu lagi adalah lebih baik sekiranya ada pihak-pihak di luar sana yang sudi menaja kami kerana seperti mana kita tahu, kos untuk masuk ke pertandingan seperti ini bukanlah murah,” kongsinya menutup bicara.


AHLI-ahli pasukan meneliti rekaan projek.

# SMJK Chung Ling Butterworth

## rangkul anugerah bermakna



TAY Zheheng (kanan) dan Sim Zhong Yee menunjukkan pingat dan projek *coding* mereka yang membolehkan memenangi hadiah sagu hati bagi Cabaran Penulisan Kod Terpantas dalam *Malaysia Techlympic 2022* di ibu negara baru-baru ini.



**MALAYSIA TECHLYMPICS 2022**

**Wawancara Khas**

**EMPAT** pelajar Tingkatan 5 dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Chung Ling turut menempa kejayaan dalam *Malaysia Techlympic 2022* yang dianjurkan Kementerian Tenaga. Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Stadium Axiata Arena dekat Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 26 dan 27 November lepas.

Ketua Pasukan, **KOK QI SHENG** bersama-sama **TOMAZ FU SHAO YANG, CHAN YU HENG** dan **CHEE KAK KIN** dipilih sebagai johan Kategori 1.3 Remaja Cabaran Sains Data.

Bercakap dalam temu ramah eksklusif bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** (jurugambar), Qi Sheng mengakui bahawa mereka langsung tidak jangka akan dipilih sebagai juara kategori tersebut memandangkan saingan melibatkan 10 kumpulan lain peringkat kebangsaan adalah begitu sengit.

"Penganjur memberi suatu soalan (permasalahan) yang terdiri daripada dua set data, satu soalan tentang iklim dan satu soalan lagi tentang kerjaya.

"Dengan dua set data ini, kami diminta beri penyelesaian, memproses dan menyusun data itu, dan akhirnya kami membuat suatu *'dashboard'* untuk menunjukkan jalan penyelesaiannya.

"Jadi, kumpulan kami mengubah soalan (permasalahan) kepada data…cabaran kami lebih kepada mengemukakan kaedah penyelesaian masalah (berdasarkan) pemikiran logik, dalam kekangan masa saingan yang diberikan.

"Saingan begitu sengit yang mana 11 pasukan terbaik dari seluruh negara merebut kejuaraan bagi kategori (1.3 Remaja Cabaran Sains Data) ini.

"Terkejut juga apabila diumumkan sebagai johan," jelasnya sambil menganggap kejayaan tersebut adalah atas semangat berpasukan di samping dorongan sekalian cikgu yang terlibat.

Buletin Mutiara difahamkan Qi Sheng dan kawan-kawannya merupakan pelajar sains komputer.

Selain sesi pembelajaran secara fizikal di sekolah, minat yang mendalam dalam menganalisis data penyelesaian juga turut disuburkan di luar kelas terutama melalui Kelab STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteran dan Matematik) peringkat sekolah.

Di samping itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada sekalian guru yang terlibat kerana memberi 'peluang' penyertaan pertandingan dari peringkat sekolah, zon hingga berjaya memburu kejuaraan peringkat kebangsaan.

Mereka, menurut Qi Sheng, termasuk Guru Penasihat Kelab STEM merangkap guru pengiring, Hanisah Mohd. Shariff, Guru Kanan Sains dan Matematik, See Kean Hock, Penolong Kanan I, Saw Sok Yen dan Penolong Kanan Kokurikulum, Yew Sey Yan.

Bercita-cita melanjutkan pengajian di peringkat universiti, Qi Sheng menyatakan bahawa beliau berharap mendapat peluang belajar dalam jurusan kejuruteraan elektronik.

"Sebenarnya dengan menggunakan teknologi termasuk capaian data ini, kita boleh ringkaskan pemprosesan data, iaitu pemprosesan (bagi menyelesaikan satu-satu persoalan atau permasalahan) akan bertambah mudah dan pantas," ulasnya lanjut dalam nada sederhana.

Sementara itu, **TAY ZHEHENG** (ketua), **SIM ZHONG YEE** iaitu pelajar Tingkatan 4 SMJK Chung Ling pula mendapat hadiah sagu hati bagi Cabaran Penulisan Kod Terpantas dalam *Malaysia Techlympic 2022*.

Regu berkenaan terlewat enam minit sahaja di belakang pemenang pingat gangsa bagi kategori berkenaan.

"Pengekodan adalah untuk memberi arahan kepada robot (yang mana) pihak penganjur menetapkan enam koordinat dan kami perlu menyiapkan pengekodan secepat mungkin dan betul untuk robot mengikut arahan pengekodan tersebut.

"Cabaran dalam kategori pertandingan ini adalah merebut pemarkahan dari segi masa terpantas dan betul (pengekodan) mengikut satu-satu arahan yang ditetapkan oleh pihak penganjur.

"Untuk (kategori) Cabaran Penulisan Kod Terpantas ini, kami diberikan masa selama dua jam dan berjaya menyiapkan kerja yang diberikan dalam tempoh masa 33 minit (iaitu) hampir dapat tempat ketiga (yang berjaya siapkan pengekodan 27)," jelasnya.

Mengaku sedikit kecewa dengan pencapaian tersebut, Zheheng bagaimanapun bersyukur kerana berpeluang menimba pengalaman dalam saingan peringkat kebangsaan.

"Kami berjaya meraih pingat (gangsa untuk) tempat ketiga dalam *Malaysia Techlympic 2022* Peringkat Zon Utara, di Pusat Sains Negara, Kedah pada 13 September 2022.

"Tetapi, kami berasa sedikit 'perasaan' apabila tidak berada sekurangnya di kedudukan tiga terbaik bagi kategori itu pada peringkat kebangsaan," ujarnya.

Bercerita lanjut, Zheheng memberitahu bahawa mendapat hadiah sagu hati sebenarnya membakar lagi semangatnya untuk meningkatkan kemahiran dalam pengekodan - sama ada melalui aktiviti anjuran Kelab STEM atau pembelajaran tidak formal di luar kelas.

"Kira-kira dua tahun lepas ada PKP (Perintah Kawalan Pergerakan), tiada sesi persekolahan secara bersemuka membuatkan saya begitu bosan, maka, saya belajar kemahiran pengekodan melalui *YouTube* dan aplikasi *android*.

"Di sekolah juga ada pembelajaran subjek pengekodan tetapi mengikut silibus, secara asas, minat yang mendalam mendorong saya belajar secara dalam talian sahaja dan robot saya pinjam daripada kawan sahaja," katanya sambil menyifatkan pengekodan membuatkan pembelajaran STEM bertambah menarik dan mencabar buat dirinya.

Sey Yan yang ditemui selepas itu, merakamkan penghargaan kepada pihak Buletin Mutiara kerana memberi liputan khusus pada kejayaan pelajar-pelajar SMJK Chung Ling Butterworth dalam *Malaysia Techlympic 2022*.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua guru yang terlibat di sebalik kejayaan para pelajar berkenaan.

"Mewakili pihak SMJK Chung Ling Butterworth, sekalian guru sudah tentu sangat gembira dengan pencapaian para pelajar dalam mengharumkan nama sekolah secara khususnya dan negeri Pulau Pinang secara umumnya.

"Dengan usaha para peserta akhir *Malaysia Techlympic 2022* berkenaan, tidak lengkap juga kita tanpa bimbingan semua guru yang terlibat terutama Cikgu Hanisah, See Kean Hock dan cikgu-cikgu STEM yang lain.

"Dengan pencapaian ini, seperti Tay Zheheng dan Sim Zhong Yee jika ada peluang lagi ke saingan akhir Techlympic akan datang, diharap dapat memperbaiki kedudukan.

"Tahniah kepada semua peserta saingan akhir *Malaysia Techlympic 2022* pada kali ini," ulasnya lanjut.




KOK Qi Sheng (barisan belakang, tiga dari kanan) bersama-sama Tomaz Fu Shao Yang, Chan Yu Heng dan Chee Kak Kin merakam gambar kenangan bersama-sama barisan guru sambil menunjukkan replika kemenangan sebagai johan bagi kategori yang disertai.

# Tuai emas di SUKMA, Israr Hazim intai peluang sebagai jurulatih

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

WAWANCARA KHAS

**SELEPAS** berjaya menyumbang pingat emas menerusi sukan pelayaran bagi acara ICLA 7 dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 pada September lalu, atlet perahu layar negeri, **ISRAR HAZIM ISMAIL**, 20, kini mengintai peluang sebagai jurulatih bagi sukan berkenaan.

Bercakap kepada Buletin Mutiara baru-baru ini, Israr Hazim berkata bahawa beliau kini sedang mengikuti kursus kejurulatihan bagi sukan pelayaran memandangkan SUKMA ke-20 merupakan penyertaan terakhir buat dirinya.

Menurut beliau, skuad pelayaran negeri Pulau Pinang kini hanya mempunyai seorang jurulatih iaitu Hamdan Rozi yang bertanggungjawab melatih atlet-atlet perahu layar bagi semua kategori sukan berkenaan.

"Berbanding negeri-negeri lain seperti Terengganu dan Perak, setiap acara dalam sukan pelayaran mempunyai jurulatih yang berbeza, manakala Pulau Pinang hanya mempunyai seorang sahaja jurulatih bagi semua kategori buat masa ini.

"Justeru, selepas tamat SUKMA ke-20, saya terus mengambil kursus kejurulatihan bagi sukan ini kerana saya mahu membantu meningkatkan lagi pencapaian skuad pelayaran Pulau Pinang," katanya yang sedang merancang untuk mengambil kursus dalam bidang Sains Sukan.

### Pengalaman menyertai SUKMA

Israr Hazim berkata, SUKMA edisi ke-20 merupakan penyertaan kali keempat dan terakhirnya dalam temasya sukan dwitahunan itu yang mana akhirnya beliau berjaya menyumbang satu pingat emas buat skuad pelayaran negeri.

"Sebelum ini, saya pernah menyertai SUKMA 2016 di Sarawak, saya berjaya merangkul pingat perak manakala SUKMA 2018 di Perak pula saya mendapat pingat gangsa.

"Memandangkan ini penyertaan kali terakhir, saya memang meletakkan sasaran pingat emas, jadi apabila sasaran itu berjaya dicapai sudah tentu saya sangat bersyukur dan gembira," katanya yang merupakan anak kelahiran Teluk Kumbar.

Bercerita lanjut, Israr Hazim memberitahu bahawa pingat emas yang diperoleh hadir dalam suasana persaingan yang agak sengit terutamanya daripada peserta pelayaran dari negeri Terengganu.

"Sebenarnya, selepas tamat 10 perlumbaan, saya mendapat mata yang sama dengan pencabar terdekat dari Terengganu tetapi yang membezakan antara kami adalah saya memperoleh lebih mata pada perlumbaan pusingan kedua.

"Perbezaan mata dengan peserta di tempat ketiga iaitu pelayar dari Selangor juga sangat rapat iaitu dibezakan dengan hanya satu mata sahaja," ujarnya tenang.

Mengulas lanjut, Israr Hazim menyatakan bahawa sebagaimana sukan-sukan lain, perahu layar juga mempunyai cabaran dan kesukaran yang tersendiri terutamanya dalam membaca gerakan arah angin.



ISRAR Hazim Ismail menunjukkan pingat emas yang berjaya diperoleh dalam sukan perahu layar bagi acara ICLA 7 pada temasya SUKMA ke-20 September lalu.

"Selain memerlukan kekuatan fizikal, sukan perahu layar juga menuntut kebijaksanaan para peserta untuk merancang taktikal melalui kemahiran membaca tiupan arah angin serta arus air laut.

"Walaupun setiap peserta telah mendapat tunjuk ajar daripada jurulatih tetapi apabila berada dalam pertandingan, peserta perlu peka terhadap perubahan arah angin dan keadaan air laut," ulasnya yang mula melibatkan diri dalam sukan berkenaan sejak berusia 8 tahun.

### Pencapaian paling manis

Israr Hazim menyatakan bahawa penglibatannya dalam sukan pelayaran bermula dengan minat pada usia kanak-kanak dan mengambil keputusan untuk terlibat secara serius ketika berumur 10 tahun.

"Mula-mula saya menjalani latihan di Teluk Kumbar di bawah seliaan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan semasa saya dalam darjah empat, jurulatih membawa saya untuk menjalani latihan bersama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP),'' ujarnya.

Tambah Israr Hazim, pengalaman menyertai Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) dan berjaya memenangi pingat emas merupakan kenangan paling manis buat dirinya sepanjang berkecimpung dalam sukan pelayaran.

"Selain itu, saya juga pernah memenangi pingat gangsa dalam kejohanan dunia sukan perahu layar yang berlangsung di Thailand beberapa tahun lepas," jelasnya yang merupakan anak sulung daripada lima beradik.

### Harapan

Ditanya mengenai harapan terhadap sukan perahu layar khususnya di negeri Pulau Pinang, Israr Hazim berharap agar sukan berkenaan mampu melahirkan lebih ramai pelapis muda pada masa akan datang.

"Saya juga berharap pelapis-pelapis yang ada menunjukkan prestasi lebih baik daripada atlet-atlet sebelum ini sekali gus membawa Pulau Pinang ke persada antarabangsa dalam sukan ini.

"Justeru, saya berhasrat untuk menjadi jurulatih dan melatih seramai mungkin bakat-bakat muda untuk diketengahkan sebagai atlet perahu layar profesional pada masa depan," katanya yang optimis bahawa Pulau Pinang mampu bangkit menjadi kuasa besar dalam sukan itu kelak.



ISRAR Hazim Ismail (berdiri di atas podium, tengah) semasa menerima pingat emas pada temasya SUKMA ke-20.

# 'FIRST AIDER' di setiap rumah hadapi situasi kecemasan




LUAH Lean Wah.

**PENGETAHUAN** dan kemahiran pertolongan cemas sangat berguna dan amat bermanfaat jika dapat diperluaskan kepada lebih ramai individu dalam masyarakat di negeri ini sebagai langkah kesiapsiagaan menghadapi kemungkinan terjadinya situasi kecemasan dan kritikal.

Malah, pertolongan cemas atau *first aid* merupakan respons rawatan yang pertama diberikan dengan tujuan untuk menyelamatkan nyawa dan meningkatkan peluang survival sebelum intervensi rawatan perubatan klinikal diberikan. Di samping itu, ia juga dapat mengurangkan kesakitan serta mengelakkan sebarang kecederaan menjadi lebih serius.

Kini, permintaan terhadap kursus pertolongan cemas juga semakin bertambah dan ini menunjukkan trend yang sangat positif membabitkan tahap kesedaran serta pemahaman umum mengenai kepentingan ilmu pertolongan cemas ini.

Namun, bagi Pengerusi Persatuan Pemulihan Jantung Pulau Pinang atau *Penang Heart Safe Society* (PHSS), **DATO' DR. LUAH LEAN WAH**, beliau menginginkan lebih ramai dalam kalangan masyarakat hari ini mempunyai ilmu dan kemahiran pertolongan cemas.

Beliau menyimpan hasrat untuk memantapkan lagi usaha dan melahirkan sekurang-kurangnya seorang *'First Aider'* berdaftar dalam kalangan ahli keluarga di setiap rumah di negeri ini.

Ikuti wawancara eksklusif wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama wanita hebat ini yang banyak menyumbang bakti ke arah peningkatan kesedaran umum berhubungan bantuan kecemasan awal.




PERANTI AED di Persiaran Karpal Singh.

## Latar belakang dan pencapaian

Sejak tahun 2006, Lean Wah diberi tanggungjawab di bawah *National Committee on Resuscitation Training* (NCORT) untuk melaksanakan latihan sokongan hidup asas (BLS) dan resusitasi kardiopulmonari (CPR) kepada pekerja penjagaan kesihatan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Sehinggalah tahun 2013, yang mana saya telah diberi tanggungjawab untuk mempengerusikan *Advanced Cardiac Life Support* di bawah NCORT.

"Kemudian sekitar tahun 2015, saya berjumpa dengan Exco Kesihatan ketika itu yang merupakan salah seorang doktor pelatih di bawah saya dahulu.

"(Dan) dalam pertemuan tersebut, saya telah mengemukakan cadangan untuk mengadakan latihan CPR kepada umum, maka bermulalah perjalanan saya di bawah Program Penang Heart Safe (PHS) yang dilancarkan pada 4 September 2015 sehingga ke hari ini," ujarnya yang merupakan pakar perunding bertauliah dalam bidang anestesiologi dan penjagaan kritikal di Hospital Pulau Pinang (HPP).

Menurut Lean Wah, program pertama PHS yang diadakan secara besar-besaran adalah melibatkan 6,806 individu pada 2015 dan telah berjaya menerima pengiktirafan *Malaysia Books of Records* sebagai *'Largest Participants in Mass Cardiopulmonary Resuscitation (CPR)'*.

"Melalui program tersebut, peranti *Automated External Defibrillators* (AED) mula diperkenalkan kepada orang awam dengan menempatkan 10 peranti AED di tempat-tempat awam terpilih.

"Susulan itu, saya berjumpa pula dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPN Pulau Pinang) untuk melaksanakan latihan CPR melibatkan pelajar sekolah dan disambut baik.

"Bermula dari situ, saya mula bergerak aktif dengan mengadakan latihan bukan sahaja kepada pelajar sekolah tetapi juga kepada penjawat awam serta anggota keselamatan seperti polis dan bomba sehingga ke hari ini," katanya.

Dari segi pendanaan pula, Lean Wah memberitahu bahawa peruntukan yang diterima adalah daripada orang awam.

"Disebabkan kesukaran untuk mendapatkan dana bagi membiayai sukarelawan, pergerakan dan program-program yang dianjurkan, saya telah mencadangkan untuk menubuhkan sebuah persatuan iaitu PHSS pada Oktober 2019," katanya yang turut bergerak aktif dengan *Lion Club of George Town Central* dalam menjayakan impiannya untuk melihat lebih ramai lagi mempelajari teknik pertolongan cemas sama ada melalui CPR mahupun menggunakan peranti AED.

Selain itu, beliau turut berbangga apabila Pulau Pinang menjadi negeri pertama di Malaysia yang memiliki Kiosk AED dan memperkenalkan *Heart Safe Park* dalam negara.

"Pemasangan Kiosk AED di Persiaran Karpal Singh merupakan yang pertama seumpamanya pada November 2021 dan pada Julai 2022, PHSS dengan kerjasama Kerajaan Negeri mencatat satu lagi peristiwa penting apabila Pulau Pinang menjadi negeri pertama yang memperkenalkan *Heart Safe Park* di Taman Botani.

"Pemasangan peranti AED tersebut juga adalah berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh *International Liaison Committee on Resuscitation* atau singkatannya ILCOR yang diguna pakai secara meluas di seluruh dunia.

"Walaupun disarankan oleh ILCOR untuk mempunyai sekurang-kurangnya satu peranti AED bagi setiap 500 meter, kita (Pulau Pinang) masih belum mencapai tahap tersebut kerana melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi.

"Setiap unit mempunyai jangka hayat bateri tidak melebihi dua tahun dan *'pad'* yang digunakan pula adalah jenis sekali pakai dan tidak boleh digunakan untuk kali kedua.

"Jadi untuk melabur ke arah meletakkan lebih banyak peranti AED, lebih baik dana tersebut digunakan untuk memperhebatkan lagi latihan kepada orang awam tentang tatacara CPR dan penggunaan AED di tempat awam.

"Kita tidak mahu nanti peranti AED dianggap sebagai 'gajah putih' yang mana orang awam tidak tahu menggunakannya," jelasnya yang bersara wajib pada Januari 2023.

## AED di tempat awam, bertepatan

Apabila ditanya pandangan mengenai keputusan meletakkan peranti defibrilator luaran automatik atau AED di tempat-tempat awam, Lean Wah menyifatkannya sebagai langkah yang tepat dengan keperluan masa kini.

"Meskipun, pada permulaan pemasangan AED ini ada yang mengkritik malah ada yang mentertawakan dan mempersendakan pelaksanaan inisiatif ini, namun ia tidak mematahkan semangat kami.

"(Dan) sehingga ke hari ini, kita telah mempunyai lebih 160 peranti AED di tempat-tempat awam tanpa satu unit pun dirosakkan, inilah petunjuk bahawa rakyat Pulau Pinang sebenarnya baik dan prihatin.

"Lagipun usaha ini perlu kerana serangan jantung tidak mengenal usia, dan di mana akan berlakunya serangan walaupun penerimaan orang awam terhadap penggunaan AED ini masih rendah," ulasnya lanjut.

Difahamkan, sejak diperkenalkan pada 2015, sehingga kini sembilan individu telah berjaya diselamatkan dengan penggunaan AED dan CPR di tempat awam.

*(Sambungan di muka 14).*

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikuskadun@gmail.com | (T) 04 - 228 5298<br>016 - 691 2548<br>016 - 415 2548 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| | |
| | |
| | |
| | |
| **PENANG CARE SOCIETY** | (Hotline)<br>(T) 04 - 291 0123<br>04 - 642 7777 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappenang@dapmalaysia.org | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 548 4541<br>(F) 04 - 548 4541 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Aida Yusof Rawa<br>aidarawa54@yahoo.com | (T) 019 - 338 2668 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Mohd. Taupek Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Muhammad Fitri Termizi<br>fitritermizi@amanah.org.my | (T) 011 - 3112 7702 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| PBA (PUSAT PANGGILAN 24 JAM) | 04-255 8255 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## INFO



## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2022

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Ahmad Tarmizi Jusoh | 012 - 487 7575 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390<br>04 -507 5390 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397<br>04 - 399 6689 |
| Delakan a/l Ratha Krisnak | 012 - 584 4437 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jeffery Koay Kai Chin | 013 - 521 2868 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 0111 - 1119 4419 |
| Ng Yee Siang | 010 - 562 2698 |
| Ngoh Cheng Hai | 017 - 979 0933 |
| Noor Azuawati Ahmad | 018 - 965 4559 |
| Norly Masitah Mohamed Noor | 013 - 582 2503 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Boon Sheng | 016 - 447 8320 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Teh Chuann Yien | 010 - 441 7749 |
| Tharani a/p Kesavan | 017 - 450 2431 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Penyelia Bahagian Kewarganegaraan | 013 - 449 0366 |
| 2. | K. Velan | Barat Daya | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 46, KOMTAR<br><br>04 - 650 5105 | 018 - 394 4537 |
| 3. | Lim Zheng Han | Seberang Perai Utara | | 011 - 1244 7167 |
| 4. | K. Nirmala | Seberang Perai Tengah | | 017 - 572 0272 |
| 5. | K. Viknesh Prabu | Seberang Perai Selatan | | 012 - 693 4786 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2022

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Dato' Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed | 017 - 567 0885 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Chee How | 012 - 470 3389 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Nurhafiza Huda Idris | 017 - 450 5751 |
| Ooh Sin Hwa | 012 - 475 1669 |
| Quah Boon Lim | 017 - 462 2431 |
| Rodziah Abul Khassim | 019 - 319 4840 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF
NUR ASHIKIN ISMAIL

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI
MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR
SITI NURATIKAH RAHMAT
SIEW CHIA EN

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NASRUL AMIR YAHAYA

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com


## Layari

www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11592 |
| Peminjam | : | PRAVIN KUMAR A/L CHANDRASEGARAN - 91011607****<br>319 KAMPUNG BENGGALI , SUNGAI PUYU 13020 BUTTERWORTH |
| Penjamin 1 | : | CHANDRASEGARAN A/L J SOOSAY - 53042207****<br>319 KAMPUNG BENGGALI, SUNGAI PUYU 13020 BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : | MOGAN A/L SUBRAMANIAM THEVAR - 86110935****<br>BLOK 1D-2-1 LEBUHRAYA THEAN TEIK, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11595 |
| Peminjam | : | DAARSHINI A/P RAJU - 92121607****<br>BLOCK 1-17-03, LINTANG LEMBAH PERMAI 4, 11200 TANJUNG BUNGA, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | RAJU A/L MAREE MUTTO - (MENINGGAL DUNIA)<br>1-17-03 LINTANG LEMBAH PERMAI 4, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | RAJEEN A/L MAREEMUTTO - 65022107****<br>A-G-06 BLOK A, TAMAN SRI SETIA, LEMBAH PERMAI, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11600 |
| Peminjam | : | SITI SARAH FARHANA BINTI HUZAIR - 91110602****<br>A-22-01 CREST RESIDENCE, NO 3, JALAN CENDANA OFF JALAN SULTAN ISMAIL 50250 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | OMAR BIN OTHMAN - 62051307****<br>B-31 JALAN SEJATI 3/1, TAMAN SEJATI INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH |
| Penjamin 2 | : | WAN SU BINTI CHE MAT - 57121707****<br>NO.1069 BUKIT KECIL 14000 BUKIT MERTAJAM |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11613 |
| Peminjam | : | SAMSUL BIN ALI - 84100807****<br>1-1-7 JALAN PEKAKA 2, TAMAN PEKAKA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | MOHD ZOOL HILMI BIN BAHRI - 84072203****<br>14 TKT. 2 LORONG JANGGUS JAYA 4, TAMAN JANGGUS JAYA 13500 PERMATANG PAUH |
| Penjamin 2 | : | NIK HASNI BINTI NIK HUSAIN - 84110707****<br>NO.10 LORONG BLM 3/18, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 KEDAH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11624 |
| Peminjam | : | NUR SYAZANA BINTI ABDUL NAHAR - 93011307****<br>A2-25-06 KENWINGSTON SQUARE GARDEN, PERSIARAN BESTARI 63000 CYBERJAYA |
| Penjamin 1 | : | AHMAD JAFAR BIN ABDUL ALIM - 71012507****<br>NO.32 JALAN PANTAI JERJAK 10, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | SHARIDA BINTI ABDUL ALIM - 69062607****<br>NO.32 JALAN PANTAI JERJAK 10, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11637 |
| Peminjam | : | MALVIN JUAN A/L SELVANATHAN - 92070107****<br>9-G-1 PERMATANG DAMAR LAUT, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | ARIFFIN MARSHALL BIN ABDULLAH @ MARSHALL A/L ROBERT - 84061507****<br>A-02-05 IDAMAN SEROJA, TAMAN TUNAS IDAMAN 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | RENUGA A/P SANMUGAM - 75100707****<br>792-P MUKIM 13, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11643 |
| Peminjam | : | MUHAMMAD AZRUL ANUAR BIN YAHYA - 89081207****<br>1-6-15 DESA PINANG 2, LEBUH SUNGAI PINANG 7, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | MUHAMMAD HAFIZ BIN YAHYA - 88050907****<br>62-2-14 PINANG COURT 2, LEBUH SUNGAI PINANG 1, 11600 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | MOHD AZMI ADAM BIN HUSSAIN - 76020807****<br>3-E BATU UBAN 11700 GELUGOR, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11647 |
| Peminjam | : | MUHAMMAD ASHRAF BIN KASSIM - 92010607****<br>16-08-03 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | KASSIM BIN ABDUL RAHMAN - 62052571****<br>16-08-03 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | KAMARULZAMAN BIN KADER MYDIN - 73111407****<br>16-12-3A SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11648 |
| Peminjam | : | NUR HAZIQAH BINTI ZULKIFLI - 92060307****<br>1251 MK 9 KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | ZAITON BINTI AMIR - 67050607****<br>1251 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | ZAHARAH BINTI AMIR - 64060207****<br>1105E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JLN TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11665 |
| Peminjam | : | SAIFOLNIZAM BIN HASHIM - 75042007****<br>G-UG-7 DSHIRE VILLA, SEKSYEN 4, KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR |
| Penjamin 1 | : | SABARINA BINTI ABU BAKAR - 76050407****<br>G-UG-7 DSHIRE VILLA, SEKSYEN 4, KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR |
| Penjamin 2 | : | HELMI BIN HASHIM - 85092407****<br>BERHAMPIRAN 318-A MUKIM 6, PONDOK UPEH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11679 |
| Peminjam | : | PUTERI NURNABILA BINTI MEGAT HARON - 91020707****<br>170-I JALAN KAMPUNG MELAYU, AIR ITAM 11500 GEORGETOWN, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | MEGAT HARON BIN MEGAT HASSIM - 66011007****<br>170-I JALAN KAMPUNG MELAYU 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM - 74051307****<br>2A-20-07 LINTANG HAJJAH REHMAH, MUTIARA HEIGHTS 11600 PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11683 |
| Peminjam | : | NOOR HUSNA BINTI MOHD SHAFIE - 91062507****<br>LOT 481 PLOT 1 PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH |
| Penjamin 1 | : | MOHD KHAIRUL ANUAR BIN MOHD SHAFIE - 80121812****<br>NO.4352 JALAN PERMATANG BULUH, SIMPANG EMPAT 13210 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 2 | : | ABDUL SAMAD BIN ARSHAD - 79073107****<br>158 JALAN SUTERA IDAMAN 3, TAMAN SUTERA IDAMAN 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11686 |
| Peminjam | : | MASZUIN BINTI MD HATTA - 81050807****<br>BLOK 310-2-2 TAMAN JADE VIEW, JALAN BUKIT GAMBIR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : | MOHD SAHRUL BIN MOHD SAH - 79103001****<br>NO. 21-A JALAN BUKIT DUMBAR 11600 JELUTONG, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : | MASZLIN BINTI MD HATTA - 80052107****<br>NO. 21-A JALAN BUKIT DUMBAR 11600 JELUTONG, PULAU PINANG |

| | | |
|---|---|---|
| No Akaun | : | 11687 |
| Peminjam | : | KHAIRULHISHAM BIN SHAMSUDDIN - 80101807****<br>21 TINGKAT SIAKAP SEBELAS, SEBERANG JAYA 13700 PERAI |
| Penjamin 1 | : | HARTINI BINTI MOHD RADZI - 79050107****<br>NO.14 LORONG MACHANG BUBUK 4, TAMAN MACHANG BUBUK 14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 2 | : | JASMIN SYUHADA BINTI SHAMSUDDIN - 85060807****<br>NO.21 TINGKAT SIAKAP SEBELAS, SEBERANG JAYA 13700 PERAI |





PERADUAN TIKTOK BULETIN MUTIARA

PENANG 2030

PENANG

Tema Bulan Januari - Mac 2023

PENANG

Pihak penganjur akan memuat naik petunjuk-petunjuk lokasi di akaun TikTok dari masa ke masa

MENANG dengan 3 langkah mudah

1. Ambil video di lima (5) atau lebih papan tanda PENANG di seluruh negeri dan muat naik ke aplikasi TikTok mengikut kreativiti masing-masing.
2. *Follow* akaun rasmi TikTok Buletin Mutiara: @buletinmutiara.
3. Gunakan *hashtag* #BuletinMutiara, #Penang dan #LovePENANG pada *posting* anda.

Hadiah Utama: RM1,000

Hadiah Sagu Hati: RM100 x 5 pemenang

Terma & Syarat Peraduan:

1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.
2. *Follow* akaun rasmi TikTok Buletin Mutiara.
3. Video berdurasi maksimum 1 minit mengikut tema yang diberikan.
4. Karya adalah asli tanpa ciplak daripada pihak lain. Karya yang dimuat naik merupakan hak pihak penganjur.
5. Akaun / *posting* peserta harus ditetapkan sebagai *'public'*.
6. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **31 Mac 2023**.
7. Keputusan panel juri adalah muktamad.

# Skuad memanah berjaya tebus kekalahan lampau

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**WAWANCARA KHAS**



RAKAMAN gambar kenangan barisan skuad memanah Pulau Pinang yang berjaya membawa pulang satu pingat emas dan perak (5).

**SKUAD** memanah negeri berjaya mengharumkan nama Pulau Pinang dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang berlangsung pada September lalu dan berjaya membolot pingat emas bagi acara kompaun perempuan 50 meter (m).

Buletin Mutiara berkesempatan menemu bual atlet memanah negeri, **BERNICE GOH ROU PEI, KAYALVHILY, NURIN SOFIYA AHMAD SHUKOR DAN M. PRITISWARY** yang diatur khas di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) pada 30 November lalu.

Pritiswary ketika ditemui turut berkongsi pengalaman pasukannya semasa 'berperang' di pentas SUKMA dan turut berbangga dengan pencapaian mereka pada temasya kali ini.

"Perjuangan kali ini bukan sahaja fokus untuk menang tetapi lebih ke arah ingin membanggakan jurulatih pasukan kami selepas sekian lama berpenat lelah memberikan tunjuk ajar kepada para atlet.

"Tidak dinafikan pada SUKMA yang lepas kami pulang dengan penuh kekecewaan, akan tetapi ia tidak mematahkan semangat pasukan kami untuk terus berlatih saban hari.

"Kami telah menjadi sebuah pasukan selama tujuh hingga 10 tahun, dan sememangnya keserasian dari segi menjalani latihan serta bertanding malah tidak terkecuali mengharungi kekalahan," selorohnya.

Dalam pada itu, Kayalvhily yang menyumbang satu pingat perak bagi acara kompaun perempuan 50m individu menyatakan bahawa SUKMA ke-20 merupakan penyertaannya yang terakhir.

"Ini merupakan penglibatan SUKMA yang terakhir bagi saya kerana akan melepasi had umur ditetapkan, namun saya tidak bersedih kerana telah berjaya bersama ahli-ahli pasukan.



(Dari kiri), NURIN Sofiya Ahmad Shukor, Kayalvhily, M. Pritiswary dan Bernice Goh Rou Pei.

"Sudah tentu agak mencabar kerana kami perlu merintangi beberapa pusingan untuk sampai ke peringkat akhir… tambahan pula, saingan kali ini amat sengit melibatkan pasukan dari negeri Sarawak dan Terengganu," katanya sambil menyatakan bahawa semasa SUKMA yang lepas pasukan mereka tewas pada pusingan pertama lagi.

Nurin Sofiya pula mengekspresikan rasa bangganya terhadap pencapaian pasukan memanah negeri walaupun ia juga merupakan kejohanannya yang terakhir.

"Dengan pelbagai kekangan sepanjang tempoh pandemik COVID-19, bagi kami pencapaian satu pingat emas dan lima perak adalah sangat berbaloi.

"Tidak sia-sia penat lelah pasukan kami berlatih dek jadual latihan yang padat khususnya ketika menghampiri hari kemuncak SUKMA.

"Semua atlet menjaga antara satu sama lain seperti saudara sendiri," katanya yang sedang dalam perancangan melanjutkan kelas bimbingan memanah sepenuh masa.

Lain pula bagi Bernice kerana penyertaan SUKMA ke-20 merupakan pengalaman pertama baginya serta mendorong dirinya untuk lebih berjaya pada edisi seterusnya.

"Saya tidak akan mengecewakan ahli pasukan lain yang sudah tidak bertanding… oleh itu, saya akan berusaha lebih lagi dengan ahli yang baru pada masa hadapan.

"Walaupun SUKMA yang lepas pasukan kami secara tidak sengaja melakukan kesilapan kecil, akan tetapi semua tetap bekerjasama untuk membetulkannya, dan saya harap pasukan akan datang juga dapat bekerjasama seperti mereka," serunya.

*(Sambungan dari muka 9).*

# Lahirkan masyarakat peka

Dengan pencapaian serta aktiviti yang dijalankan oleh PHSS tersebut, tambah Lean Wah, ia telah menarik minat mantan Menteri Kesihatan ketika itu, yang turut teruja dengan inisiatif yang dilaksanakan serta ingin menjadikan Pulau Pinang sebagai contoh dalam mewujudkan persekitaran selamat untuk semua.

Malah, Kabinet juga pada Mac lalu, telah meluluskan pemasangan AED di semua pejabat dan fasiliti awam menjelang tahun 2025 nanti.

### *'First Aider'*

Salah satu impian Lean Wah adalah untuk melihat setiap keluarga di Pulau Pinang mempunyai sekurang-kurang seorang *'First Aider'*.

"Setiap keluarga perlu mempunyai sekurang-kurang seorang ahli keluarga yang tahu asas pertolongan cemas dan CPR atau mempunyai tauliah sebagai *'First Aider'* berdaftar."

"(Hal ini bermakna), setiap keluarga perlu mempunyai seorang wakil yang mengikuti kursus asas pertolongan cemas dan CPR bagi membolehkan mereka menerima kad sebagai *'First Aider'* berdaftar.

"Langkah ini amat penting kerana kita perlu melahirkan masyarakat yang peka tentang kepentingan pertolongan cemas dan CPR selain tahu cara-cara mengendalikan peranti AED sekiranya diperlukan dan membantu menyelamatkan nyawa," jelasnya.

### Harapan

Selain melihat lebih ramai individu dilengkapi dengan pengetahuan CPR dan penggunaan peranti AED, Lean Wah juga berharap agar Kerajaan Negeri dapat membentuk satu jawatankuasa untuk memantau pelaksanaan program PHS ini.

"Misalnya di syarikat-syarikat swasta bertaraf global, mereka mempunyai unit peranti AED, tetapi adakah peranti tersebut dapat diakses oleh orang awam (PAD) berdekatan.

"Jadi dengan adanya jawatankuasa ini, dapatlah PHSS sebagai badan pertubuhan bukan kerajaan untuk turut serta melihat langkah-langkah yang boleh dilaksanakan.

"Mungkin melalui jawatankuasa ini, Kerajaan Negeri dapat memperkenalkan insentif kepada syarikat yang memasang peranti AED dengan kos sendiri serta membenarkan orang awam mengakses peranti tersebut.

"Malah, melalui inisiatif ini juga, saya percaya lebih ramai akan cakna dengan keperluan AED ini serta sedar kepentingan pertolongan cemas, maka segala usaha yang dicurahkan selama ini tidak akan disia-siakan,

"Pastinya, jika Kerajaan Negeri mampu menyediakan sejumlah dana melalui jawatankuasa ini untuk inisiatif ini adalah lebih baik," ujarnya.




**MODEL peranti AED yang dipasang di kawasan kediaman bertingkat.**

Sebagai rekod, PHSS didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan pada 21 Oktober 2019 dengan tujuan mewujudkan *'Heart Safe Community'* di Pulau Pinang selain meningkatkan kesedaran CPR dan kemahiran rakyat menggunakan peranti AED.

Sehingga kini, persatuan ini mempunyai kira-kira 50 ahli jawatankuasa sama ada secara sepenuh masa mahupun sukarela dalam kalangan anggota kesihatan dan NGO.

# PESTA PULAU PINANG buka ruang keusahawanan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BATU UBAN -** Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak menyempurnakan majlis perasmian Pesta Pulau Pinang 2022 baru-baru ini.

Semasa berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pihaknya berharap Pesta Pulau Pinang yang telah masuk edisi ke-54 itu akan kekal relevan untuk semua sektor berkaitan.

"Menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk Pesta Pulau Pinang kekal relevan sebagai platform yang merangkumi aspek perdagangan, pelancongan, kebudayaan dan pesta yang cukup sesuai untuk penglibatan seisi keluarga secara menyeluruh, selari dengan hasrat Visi Penang2030 – Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"(Oleh itu,) Kerajaan Negeri ingin mengajak seluruh warga negeri dan semua pelancong yang ingin berkunjung ke Pulau Pinang untuk bersama-sama menikmati kepelbagaian yang disediakan di sini (Pesta Pulau Pinang)," jelasnya di Dewan Terbuka Tapak Pesta Sungai Nibong di sini pada 13 Disember 2022.

Selain itu, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa penganjuran pesta pada kali ini adalah selama 36 hari mulai 26 November lepas hingga 31 Disember 2022, dengan mengekalkan tema 'Jom Pi Pesta'.

"Setakat 11 Disember (Ahad), seramai 166,150 pengunjung telah mengunjungi Pesta Pulau Pinang dengan kutipan tiket berjumlah RM774,223.

"Kita (Kerajaan Negeri) yakin angka ini akan terus meningkat menjelang musim cuti persekolahan, sekali gus mencapai sasaran 600,000 pengunjung yang disasarkan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)



KETUA Menteri bersama-sama Law Choo Kiang (dua dari kiri) meneliti peralatan dron yang dipamerkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang bersempena penganjuran Pesta Pulau Pinang 2022 di sini baru-baru ini.

Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow memberitahu bahawa pentadbirannya memperuntukkan hampir RM3 juta bagi tujuan pembaikan lot-lot perniagaan, infrastruktur dan pencahayaan di Tapak Pesta Pulau Pinang demi menjamin keselamatan dan keselesaan para pengunjung ke sini.

Buletin Mutiara difahamkan, kesemua 162 lot perniagaan di sini telahpun diisi oleh sekalian usahawan berkaitan baik dari dalam mahupun luar negeri, yang mana para pengunjung berpeluang untuk membeli-belah pelbagai aneka barangan serta pakaian, permaidani, permainan, pameran, gerai makanan, di samping menyertai siri konsert artis-artis popular.

Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Pegawai Kewangan Negeri, Zabidah Safar; barisan Exco dan beberapa ADUN serta Ahli Parlimen merupakan antara pemimpin Kerajaan Negeri yang menyertai acara perasmian pembukaan pesta tersebut di sini.

Turut serta, Konsul Jeneral Republik Indonesia Ke Pulau Pinang, Bapak Bambang Suharto; Gabenur Provinsi Sumatera Barat, Bapak H.Mahyeldi dan Timbalan Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, Prof. Dato' Gs. Dr. Narimah Samat.

---

*(Sambungan dari muka 3).*

# Atasi cabaran pembelajaran tempoh pandemik



**SOFIYYAH Muhamed Ali Kader.**



**AINA Nadhirah Derani.**



**MUHAMMAD Iqbal Hussain Nawaz Hussain.**

**SOFIYYAH MUHAMED ALI KADER**, 20, pula berkata bahawa penularan pandemik COVID-19 sememangnya menjadi cabaran yang sangat besar bagi pelajar yang menduduki peperiksaan STPM pada tahun 2021.

"Semasa pandemik, kami hanya mengikuti pembelajaran secara dalam talian sepenuhnya dan langsung tidak berpeluang berjumpa guru-guru untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut bagi mata pelajaran yang sukar difahami.

"Tambahan pula, belajar secara dalam talian memang berbeza berbanding dengan belajar secara bersemuka di sekolah kerana ada sesetangah mata pelajaran memerlukan penjelasan terperinci daripada guru-guru.

"Namun, saya bersyukur kerana mempunyai guru-guru yang prihatin dengan selalu mengadakan kelas-kelas tambahan secara dalam talian terutamanya semasa peperiksaan hampir tiba sekali gus membangkitkan semangat para pelajar," katanya.

Difahamkan, Sofiyyah yang merupakan pelajar dari Kolej Tingkatan Enam Haji Zainul Abidin memperoleh keputusan cemerlang dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0.

Perkara sama juga diutarakan oleh **AINA NADHIRAH DERANI**, 20, yang menyatakan bahawa penularan pandemik menjadikan sesi pembelajaran menjadi sangat sukar.

"Selama dua semester kami terpaksa belajar secara dalam talian sepenuhnya dan ini merupakan suatu pengalaman yang baru serta agak mencabar bagi kami semua.

"Justeru, saya sebenarnya tidak meletakkan harapan yang terlalu tinggi tetapi tidak sangka pula dapat keputusan cemerlang dengan PNGK 4.0.

"Dengan pelbagai cabaran yang kami hadapi, saya memang tidak dapat menahan air mata selepas mendapat keputusan STPM dan memperoleh A dalam semua mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Pengajian Am, Ekonomi dan Sejarah," katanya yang merupakan pelajar dari Kolej Tingkatan Enam Desa Murni, Sungai Dua.

Sementara itu, **MUHAMMAD IQBAL HUSSAIN NAWAZ HUSSAIN**, 18, berkata bahawa beliau tidak menyangka mampu memperoleh 11A dalam peperiksaan SPM memandangkan suasana pembelajaran dalam tempoh pandemik adalah sangat mencabar.

"Banyak cabaran yang saya terpaksa lalui dalam tempoh ini terutamanya terpaksa mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian yang sangat mengganggu tumpuan saya kerana ia berbentuk sehala sahaja.

"Tambahan pula, saya tidak mengikuti apa-apa kelas tuisyen dan hanya bergantung kepada sumber rujukan sedia ada selain yang boleh didapati melalui internet.

"Oleh itu, selepas mendapat keputusan semua A dalam SPM, saya memang hampir tidak percaya kerana dalam peperiksaan percubaan sebelum itu, keputusan agak kurang baik," katanya.

Muhammad Iqbal berkata, beliau bagaimanapun sangat bertuah kerana mempunyai ibu bapa dan barisan guru yang sentiasa memberikan semangat serta motivasi kepada para pelajar.

"Cikgu saya selalu berpesan kepada saya supaya terus belajar dan berusaha kerana cita-cita saya untuk bergelar doktor lebih besar daripada peperiksaan SPM itu sendiri," katanya yang merupakan pelajar dari Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kepala Batas.

# Pertandingan Melukis Poster & Mewarna

Sempena

## Hari Buletin

Tema

## Teguh Bersama Raya Bermakna

Gelanggang Bola Keranjang Taman Tangling, Bukit Tambun
(Bersebelahan Tadika Perpaduan Taman Tangling)

18 Mac 2023 (Sabtu)

8 pagi - 2 petang

## PERTANDINGAN MELUKIS POSTER

- Pertandingan bermula pada jam **9.00 pagi sehingga 11.00 pagi**.
- Terbuka kepada 2 kategori : -
  - Kategori A: **10 - 13 tahun**
  - Kategori B: **14 tahun dan ke atas**
- Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah TIDAK dibenarkan.
- Lukisan dan idea mestilah ASLI hasil ciptaan sendiri.
- Poster hendaklah menarik dan kreatif dengan tema 'Teguh Bersama Raya Bermakna' berserta logo Penang2030 dan Buletin Mutiara. Terhad kepada 30 penyertaan terawal sahaja.

### HADIAH (Tunai)

**Kategori A**

| Tempat pertama | Tempat kedua | Tempat ketiga | Hadiah sagu hati |
|---|---|---|---|
| RM400 | RM300 | RM200 | RM100 x 3 peserta |

### HADIAH (Tunai)

**Kategori B**

| Tempat pertama | Tempat kedua | Tempat ketiga | Hadiah sagu hati |
|---|---|---|---|
| RM500 | RM400 | RM300 | RM100 x 3 peserta |

## PERTANDINGAN MEWARNA

- Pertandingan bermula pada jam **10.00 pagi sehingga 11.00 pagi**.
- Terbuka kepada 2 kategori : -
  - Kategori A : **Bawah 9 tahun**
  - Kategori B : **10 - 12 tahun**
- Terbuka kepada 100 penyertaan terawal sahaja.

### HADIAH (Tunai)

| Tempat pertama | Tempat kedua | Tempat ketiga | Hadiah sagu hati |
|---|---|---|---|
| RM300 setiap kategori | RM200 setiap kategori | RM100 setiap kategori | RM50 x 10 peserta (5 peserta setiap kategori) |

### Terma & Syarat Penyertaan Umum

- Membawa peralatan melukis dan mewarna sendiri.
- Peserta bebas menggunakan sebarang jenis bahan melukis dan mewarna.
- Kertas lukisan / mewarna bersaiz A3 (29.7 cm x 24 cm) disediakan oleh pihak penganjur.
- Semua karya adalah hak milik penganjur.
- Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
- Pendaftaran penyertaan adalah secara dalam talian melalui pautan *Google Form* di Facebook Buletin Mutiara. Peserta hanya dibenarkan *walk-in* sekiranya penyertaan tidak melebihi had peserta ditetapkan.

PENANG 2030

PENANG